

17 JULAI 2019 (RABU)

Nangka madu Lanchang dapat permintaan di London

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

pengarang@utusan.com.my

TEMERLOH 16 Julai - Nangka madu ditanam di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang di sini yang dieksport ke kota London mempunyai pasaran tinggi sehingga tidak dapat menampung permintaan yang meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abd. Razak berkata, sejak dua tahun lalu kira-kira 98 tan metrik nangka madu yang ditanam seorang pengusaha di TKPM dieksport ke London.

"Saya berasa bangga kerana satu lagi produk pertanian dari bumi Pahang berjaya menembusi pasaran antarabangsa, Penduduk di kota London sekarang sudah boleh menikmati nangka segar dari Lanchang.

"Saya difahamkan pada masa ini sebanyak 15 hingga 20 tan metrik nangka dihantar ke London setiap bulan oleh Syarikat Dimensi Sejahtera dan masih tidak mencukupi memandangkan permintaan terus



MOHD. SOFFI ABD. RAZAK (enam dari kiri) ketika program prapelanaran Hari Peladang Penternak dan Nelayan negeri di ladang nangka Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang, Pahang, kelmarin.

bertambah," katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Pelancaran *From Lanchang to London* di ladang nangka TKPM Lanchang di sini semalam.

Yang hadir sama Pengarah Pertanian negeri, Datuk Zahimi Hassan dan Pengusaha Ladang Dimensi Sejahtera, Yussof Buyamin.

Ladang Dimensi Sejahtera yang diusahakan Yussof sejak 2008 mempunyai 5,000 pokok nangka madu di tanah seluas 40 hektar di TKPM Lanchang.

Menurut Mohd. Soffi, dengan jaringan pemasaran yang diwujudkan *Lanchang to Lon-*

don, diharapkan ladang-ladang lain merebut peluang bersama menghantar nangka keluar negara selain pasaran domestik.

Katanya, kerajaan negeri akan terus membantu dan menyokong pengusaha-pengusaha ladang pertanian termasuk dalam memperluas pasaran produk pertanian mereka.

Sementara itu, Yussof berkata, syarikatnya yang mendapat pengiktirafan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan berjaya mengikut pelbagai prosedur ketat berjaya memasarkan nangka ke pasar raya dan pasar borong di London.